

NO. SOALAN : 224

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DR KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

SOALAN :

YB. Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) jumlah pelancong dan wang yang dibelanjakan dalam 5 tahun yang lalu dan jumlah pelancongan dari China dan wang yang dibelanjakan oleh mereka dalam 5 tahun yang lalu; dan
- (b) apakah strategi dan pencapaian Kerajaan dalam mempromosikan pelancongan.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 5 tahun yang lalu, Malaysia telah menerima seramai 24.71 juta pelancong pada tahun 2011, 25.03 juta pada tahun 2012, 25.71 juta pada tahun 2013, 27.44 juta pada tahun 2014 dan 25.72 juta pada tahun 2015. Kadar peratusan pertumbuhan jumlah pelancong adalah sebanyak +0.56% pada tahun 2011, +1.29% bagi tahun 2012, +2.73% bagi tahun 2013, +6.70% bagi tahun 2014 dan penurunan sebanyak -6.25% bagi tahun 2015.

Manakala bagi jumlah perbelanjaan keseluruhan pelancong asing, Malaysia telah memperolehi RM58.3 bilion pada tahun 2011, RM60.6 bilion pada tahun 2012, RM65.4 bilion pada tahun 2013, RM72.0 bilion pada tahun 2014 dan RM69.1 bilion pada tahun 2015. Kadar peratusan pertumbuhan perbelanjaan keseluruhan pelancong asing adalah sebanyak +3.23% bagi tahun 2011, +3.84% bagi tahun 2012, +8.07% bagi tahun 2013, +10.02 bagi tahun 2014 dan penurunan sebanyak -4% bagi tahun 2015.

Bagi pasaran China, jumlah pelancong ke Malaysia adalah seramai 1.25 juta pada tahun 2011, 1.56 juta pada tahun 2012, 1.79 juta pada tahun 2013, 1.61 juta pada tahun 2014 dan 1.68 juta pada tahun 2015. Kadar peratusan pertumbuhan jumlah pelancong dari China adalah sebanyak +10.6% pada tahun 2011, +24.65% pada tahun 2012, +14.92%

pada tahun 2013 dan +6.95% pada tahun 2015. Pada tahun 2014, Malaysia mengalami penurunan jumlah pelancong dari China sebanyak -9.94%, disebabkan oleh insiden MH370.

Pasaran China telah menyumbang pendapatan pelancongan sebanyak RM3.5 bilion pada tahun 2011, RM4.5 bilion pada tahun 2012, RM5.5 bilion pada tahun 2013, RM4.9 bilion pada tahun 2014 dan RM5.7 bilion pada tahun 2015. Kadar peratusan pertumbuhan pendapatan pelancongan bagi pasaran China adalah sebanyak +12.6% pada tahun 2011, +27.82% pada tahun 2012, +23.05% pada tahun 2013, penurunan sebanyak -10.81% pada tahun 2014 dan +16.08% pada tahun 2015.

Berdasarkan arah aliran terkini pelancong ke Malaysia, Tourism Malaysia menyusun semula strategi-strategi pemasaran pelancongan seperti berikut:

- 1) Memberi penekanan kepada perkongsian pintar dengan syarikat-syarikat penerbangan seperti Singapore Airlines, Emirates Airlines dan Etihad Airways dalam meningkatkan kemudahsampaian udara ke Malaysia, terutamanya di pasaran jarak jauh yang tiada perkhidmatan oleh Malaysia Airlines dengan mengambil peluang rangkaian penerbangan yang luas di pasaran Eropah oleh syarikat-syarikat penerbangan berkenaan;
- 2) Selain itu, promosi bersama melalui kempen taktikal yang menekankan penjualan pakej pelancongan dan kehadiran secara digital dapat membantu meluaskan dan meningkatkan jenama Malaysia di pasaran China melalui kerjasama dengan Alitrip.com; Eropah (Belanda, Jerman,

Itali, Perancis, Sepanyol dan United Kingdom) dan Timur Tengah (Arab Saudi, Bahrain, Emiriah Arab Bersatu, Kuwait, Mesir, Oman dan Qatar);

- 3) Penekanan promosi di pasaran jarak dekat dan sederhana seperti Bangladesh, Filipina, India, Iran, Jepun, Sri Lanka, Taiwan dan Vietnam melalui syarikat penerbangan negara tersebut antaranya Biman Bangladesh Airlines, Air India, China Airlines dan Sri Lankan Airlines;
- 4) Penumpuan pada komuniti ekspatriat di negara-negara seperti Arab Saudi, Australia, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, Hong Kong, India dan Thailand dapat menggalakkan pelancongan di rantau Asia;
- 5) Mendaya-upayakan teknologi terkini sebagai medium utama aktiviti promosi, publisiti dan pengiklanan. Ini melibatkan pengukuhan dan pelebaran penggunaan rangkaian media sosial, platform pasaran maya (*virtual market place*), pemasaran digital serta mengoptimumkan penggunaan enjin pencarian (*search engine optimizations*). Salah satu aktiviti yang pernah dilaksanakan adalah kempen “#ShareMalaysia” bagi meningkatkan imej dan populariti Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan;
- 6) Meningkatkan promosi segmen kuasa beli tinggi (*high yield*) dengan memberi fokus kepada aktiviti seperti “MICE”, *cruising* dan *wellness*;
- 7) Meningkatkan aktiviti promosi di bandar-bandar *second-tier* dan *third-tier* di pasaran sasaran utama seperti China, India, dan Indonesia;

- 8) Tawaran polisi pengecualian visa untuk rakyat China ke Malaysia akan diteruskan agar dapat menarik minat dan meningkatkan ketibaan pelancong dari pasaran tersebut. Selain itu, tawaran ini dicadangkan agar diperkenalkan kepada pasaran India untuk memangkinkan pertumbuhan ketibaan pelancong dari pasaran tersebut;
- 9) Menambahbaik dan memperkenalkan pakej-pakej pelancongan eko seperti "*Lung Washing/Clean Air*", *diving* dan *birding* bagi menarik minat pelancong khususnya dari pasaran China, India dan Timur Tengah;
- 10) Mengkomersialkan budaya dan warisan seperti tarian, bangunan bersejarah, kraftangan dan sebagainya bagi meningkatkan pendapatan negara melalui pelancongan;
- 11) Menjadikan Malaysia sebagai tempat pembikinan filem antarabangsa. Ini sekaligus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan; dan
- 12) Mewujudkan pakej-pakej bersesuaian sempena sukan SEA Games yang akan berlangsung di Malaysia dan ulangtahun ke-50 ASEAN pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

SOALAN : 223

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) sama ada syarat pendaftaran wajib akan digubal bagi mengawal selia penerbangan pesawat dron komersial dan awam; dan
- (b) peraturan dan undang-undang sedia ada bagi mengawal penerbangan dron ini.

JAWAPAN

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, undang-undang atau mekanisme khusus untuk tujuan pengawalseliaan penggunaan pesawat '*Unmanned Aircraft System*' atau lebih dikenali sebagai '*Drone*' adalah diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016; Bahagian XVI yang telah berkuat kuasa mulai 15 April 2016.